

K'jaan Pimpinan Najib Letak Kebajikan Rakyat Di Tempat Paling Utama - Abdul Rahim Bakri
Bernama
30 Disember, 2012

KUDAT, 31 Dis (Bernama) -- Kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa meletakkan kebajikan rakyat di tempat paling utama dalam pelaksanaan program dan pembiayaan peruntukan serta belanjawan kerajaan, kata Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Rahim Bakri.

Beliau berkata ini bagi memastikan keadilan sosial di kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum dan agama sentiasa berlaku sewajarnya .

"Walaupun kerajaan tidak mencanang retorik politik sebuah negara kebajikan, namun segala usaha yang dilakukan kerajaan selama ini adalah untuk memakmurkan negara melalui usaha menjana pertumbuhan ekonomi dengan matlamat mensejahterakan kebajikan rakyat.

"Sebab itu, kerajaan memperuntukkan suatu jumlah yang besar misalnya pada tahun 2012 sahaja sejumlah 33.2 bilion diperuntukkan kerajaan dalam bentuk subsidi terus kepada rakyat," katanya ketika berucap pada majlis bersama rakyat di sini, semalam.

Abdul Rahim berkata daripada jumlah itu, peruntukan bantuan sosial kepada golongan memerlukan khususnya ditujukan kepada golongan kelompok miskin adalah berjumlah RM9.8 bilion.

"Sebagai lambang keperihatinan kepada rakyat dan golongan pekerja khususnya golongan berpendapatan sederhana dan rendah hanya 1.7 juta sahaja golongan pekerja dewasa yang membayar cukai berbanding jumlah keseluruhan 12.8 juta pekerja dewasa.

"Jumlah sumbangan pendapatan golongan pekerja yang dikutip oleh kerajaan hanya RM14 bilion sahaja. Mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah adalah dikecualikan membayar cukai dan di atas keprihatinan pemerintah, kerajaan akan memberikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) buat kali kedua pada tahun 2013," katanya.

Beliau berkata rakyat juga tidak seharusnya lupa bahawa kerajaan memberi pendidikan percuma di peringkat rendah dan menengah serta penjagaan kesihatan percuma kepada rakyat yang mana sudah tidak banyak negara melakukannya.

"Mereka yang memiliki kenderaan persendirian juga mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa setiap liter petrol yang mereka beli mendapat subsidi kerajaan yang banyak iaitu misalnya pada tahun 2012 berjumlah RM17 bilion dan menjadikan harga minyak di Malaysia kedua terendah di kalangan kalangan negara Asean selepas Brunei.

"Pemberian subsidi kepada minyak masak khusus bagi golongan isi rumah dan peniaga makanan juga mendapat subsidi RM1.2 bilion setahun suatu jumlah yang besar demi kesejahteraan rakyat," katanya.

"Jika jumlah tersebut dapat disalurkan semula bagi pelbagai pembangunan kemudahan awam khususnya di luar bandar, saya percaya kawasan luar bandar akan lebih membangun tetapi ini adalah antara analisis kos dan faedah yang patut dipertimbangkan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=918594>